



NEGERI KELANTAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KELANTAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73
No. 27

31hb Disember 2020

TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN

Enakmen-enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Kelantan dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 39 Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Yang Pertama):

The following Enactments, passed by the Legislative Assembly of the State of Kelantan and assented to by His Royal Highness Sultan Muhammad V, are published pursuant to Clause (3) of Article XXXIX of the Laws of the Constitution of Kelantan (First Part):

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 14	Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019
Enactment 14	Syariah Criminal Code (I) Enactment 2019
Enakmen 15	Enakmen Elaun Gelaran dan Kebesaran Negeri 2020
Enactment 15	State Title and Dignity Allowances 2020



UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN

Enakmen 14

ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (I) 2019

Tarikh Persetujuan Diraja 14 Julai 2020

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 31 Disember 2020

Enakmen 14

ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (I) 2019

SUSUNAN SEKSYEN

PERMULAAN

BAHAGIAN I

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kuasa prerogatif

BAHAGIAN II

**KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN
DENGAN PENJAGAAN AGAMA**

4. Sihir
5. Dakwaan palsu
6. Percubaan keluar Islam
7. Memutarbelitkan ajaran Islam dan hukum-hakam agama Islam
8. *Takfir*
9. Mengeji atau menghina undang-undang
10. Tidak menghormati bulan Ramadan
11. Memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat
12. Menggalakkan mungkar
13. Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam atau orang Islam yang keji akhlaknya

BAHAGIAN III
KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN DENGAN
PENJAGAAN DIRI DAN MARUAH

Seksyen

14. Liwat
15. *Musahaqah*
16. Persetubuhan dengan mayat
17. Persetubuhan dengan bukan manusia
18. Mengubah jantina
19. Orang lelaki berlagak seperti perempuan
20. Orang perempuan berlagak seperti lelaki
21. Perbuatan atau percakapan tidak sopan
22. Perbuatan mencacah tatu atau membuat rawatan atau pembedahan untuk tujuan kosmetik tanpa sebab syarii
23. Mendedahkan aurat di tempat awam
24. Mengganggu rumah tangga orang lain
25. Menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri
26. Menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan
27. Memujuk lari mana-mana orang Islam dari jagaan
28. Perempuan lari daripada jagaan
29. Tuduhan melakukan mungkar
30. Kata-kata yang boleh memecah keamanan
31. Gangguan seksual
32. Memutuskan hubungan dengan keluarga terdekat secara salah
33. Derhaka kepada ibu bapa
34. Memiliki dokumen palsu, memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu

BAHAGIAN IV
KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN DENGAN
PENJAGAAN AKAL DAN KONSUMSI

Seksyen

- 35. Minuman yang memabukkan
- 36. Apa-apa yang mengkhayalkan

BAHAGIAN V
KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN DENGAN
PENJAGAAN HARTA

- 37. Berjudi
- 38. Memakan harta anak yatim
- 39. Mengurangkan ukuran, sukatan, dan timbangan
- 40. Melakukan transaksi muamalat yang berlawanan dengan hukum syarak
- 41. Melakukan transaksi muamalat secara riba dll.
- 42. Penyalahgunaan penandaan dan perbahasan halal

BAHAGIAN VI
KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN DENGAN
PENJAGAAN KETURUNAN

- 43. Menawar atau memberi perkhidmatan maksiat
- 44. Perbuatan sebagai persediaan untuk menawarkan atau memberi perkhidmatan maksiat
- 45. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan maksiat
- 46. Zina
- 47. Perbuatan sumbang mahram
- 48. Muncikari

Seksyen

- 49. Hamil luar nikah
- 50. Khalwat
- 51. Menuduh percubaan melakukan zina, liwat atau *musahaqah*

BAHAGIAN VII
PERSUBAHATAN DAN PERCUBAAN

- 52. Persubahatan
- 53. Bersubahat di dalam negeri Kelantan kesalahan di luar negeri Kelantan
- 54. Hukuman bagi orang yang bersubahat
- 55. Tanggungan orang yang bersubahat jika perbuatan yang berlainan dilakukan
- 56. Percubaan

BAHAGIAN VIII
KECUALIAN AM

- 57. Perbuatan hakim apabila bertindak secara kehakiman
- 58. Perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah mahkamah
- 59. Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai kewajaran di sisi undang-undang
- 60. Perbuatan kanak-kanak yang belum akil baligh
- 61. Perbuatan seseorang yang tak sempurna akal
- 62. Perbuatan orang yang dipaksa melakukan kesalahan oleh sebab ugutan

BAHAGIAN IX
PERKARA AM

63. Penetapan pusat pemulihan, pusat bimbingan Islam atau rumah kebajikan dsb.
64. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah terhadap orang yang disabitkan ke pusat pemulihan, pusat bimbingan Islam atau rumah kebajikan dsb.
65. Kuasa mahkamah membuat tambahan perintah hukuman atau ganti hukuman untuk menjalankan khidmat komuniti
66. Kesalahan-kesalahan yang tidak ditentukan hukumannya
67. Hukuman bagi kesalahan kedua dan berikutnya
68. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

Enakmen 14

SAYA BERSETUJU

(MOHOR KERAJAAN)

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V
SULTAN KELANTAN

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi Kanun Jenayah Syariah bagi kesalahan takzir dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Badan Undangan Negeri Kelantan seperti yang berikut:

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta.

(3) Enakmen ini hendaklah terpakai bagi—

(a) negeri Kelantan; dan

(b) orang Islam sahaja.

(4) Walau apapun yang dinyatakan dalam subseksyen 3(b) di atas, mana-mana orang yang didakwa atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini yang menyatakan bahawa dia adalah bukan seorang Islam, status pegangan agamanya hendaklah ditetapkan mengikut reputasi am, tanpa membuat apa-apa percubaan untuk mempersoalkan keimanan, kepercayaan, kelakuan, perangai, watak, perbuatan atau kemungkiran orang itu.

(5) Mana-mana kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Enakmen ini hendaklah juga menjadi kesalahan di bawah Enakmen ini.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“*ariyyah* atau *i'arah*” ertinya pinjaman barangan tanpa apa-apa balasan;

“*akil baligh*” ertinya sempurna akal dan cukup umur mengikut hukum syarak;

“*anak yatim*” ertinya anak yang kematian bapa kandungnya dan umurnya belum mencapai umur baligh mengikut hukum syarak;

“*dhaman*” ertinya kontrak jaminan yang diberikan oleh penjamin kepada pihak ketiga untuk memenuhi kewajipan pihak kedua atau orang yang dijamin;

“*fatwa*” ertinya mana-mana fatwa yang dibuat di bawah seksyen 39 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994;

“*gharar*” ertinya ketidakpastian dalam sesuatu akad atau kontrak;

“*ghasb*” ertinya mengambil sesuatu harta secara kekerasan;

“*ghisy*” ertinya perbuatan penipuan atau kecurangan yang disengajakan untuk menimbulkan kerugian dan penganiayaan pada pihak lain;

“halal” ertinya sesuatu yang diizinkan hokum syarak;

“hibah” ertinya pemberian atau pindah milik harta oleh seseorang secara sukarela semasa hayatnya tanpa balasan kepada sesiapa yang dikehendakinya melalui sifah;

“*hiwalah*” ertinya pemindahan hak, tanggungjawab atau hutang daripada satu penanggung kepada penanggung yang lain;

“hukum syarak” ertinya hukum syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali;

“*ihtikar*” ertinya tindakan memonopoli barangan keperluan umum;

“*ijarah*” ertinya kontrak sewa menyewa dan upah yang melibatkan faedah atau manfaat daripada sesuatu aset atau tenaga kerja dengan bayaran atau upah tertentu dalam tempoh yang dipersetujui;

“*istisna*” ertinya kontrak urusanniaga dalam bentuk pesanan pembuatan barang tertentu dengan spesifikasi dan syarat tertentu yang telah disepakati antara pemesan atau pembeli dan penjual, pengilang atau pemaju;

“*ju’alah*” ertinya kontrak ganjaran daripada sebelah pihak yang menjanjikan ganjaran kepada pihak yang lain di atas sesuatu perbuatan atau pencapaian;

“*li’an*” ertinya suatu tuduhan zina atau penafian nasab terhadap anak secara bersumpah menurut hukum syarak yang dibuat oleh seorang suami terhadap isterinya manakala isterinya pula dengan cara bersumpah menurut hukum syarak menolak tuduhan itu dan tuduhan dan penolakan itu adalah dibuat di hadapan mahkamah;

“*luqatah*” ertinya barang yang dijumpai atau barang tercicir yang tidak diketahui pemiliknya;

“mahkamah” termasuklah Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Syariah Jajahan atau Mahkamah Syariah;

“maksiat” bagi tujuan Bahagian V, ertinya perkara-perkara mungkar yang mengandungi elemen seksual;

“*mudharabah*” ertinya akad pelaburan yang melibatkan persetujuan antara pemodal dengan pengusaha di mana keuntungan akan dibahagi antara pemodal dengan pengusaha berdasarkan nisbah yang disepakati manakala kerugian modal ditanggung sepenuhnya oleh pemodal dan kerugian usaha ditanggung sepenuhnya oleh pengusaha;

“mukalaf” ertinya seorang yang beragama Islam yang telah sampai umur mengikut hukum syarak dan tidak rosak akal fikirannya;

“muncikari” ertinya seorang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dan seorang lelaki atau antara sesama jenis bagi apa-apa maksud yang menyalahi Bahagian V Enakmen ini;

“mungkar” ertinya sesuatu yang diingkari iaitu segala perbuatan yang buruk, dicela, dibenci dan diharamkan menurut hukum syarak;

“*musahaqah*” ertinya suatu perbuatan memuaskan nafsu seks di antara perempuan dengan perempuan dengan cara menggeselkan faraj dengan faraj antara satu sama lain atau apa-apa kegiatan fizikal antara perempuan dengan perempuan yang akan terjumlah kepada perbuatan seksual seolah-olah jika ia dilakukan antara seorang lelaki dan seorang perempuan;

“Pegawai Penjaga” ertinya mana-mana pegawai penjaga yang dilantik oleh mahkamah untuk menjaga mana-mana pesalah yang dihantar untuk menjalani hukuman di mana-mana pusat di bawah seksyen 63 Enakmen ini;

“percubaan keluar Islam” ertinya apa-apa perlakuan oleh seseorang Islam yang mukalaf dengan kehendaknya sendiri sama ada dengan melalui perkataan, perbuatan atau dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan sebagai suatu cubaan keluar Islam;

“pihak berkuasa agama” ertinya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan termasuklah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan, Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Mufti;

“pusat bimbingan Islam” ertinya mana-mana tempat atau institusi yang ditetapkan sebagai sedemikian di bawah subseksyen 102(3) Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 dan seksyen 63 Enakmen ini;

“pusat pemulihan” ertinya mana-mana tempat atau institusi yang ditetapkan sebagai sedemikian di bawah seksyen 63;

“*qardh*” ertinya pinjaman wang;

“*rahn*” ertinya kontrak menyerahkan harta sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman;

“*riba*” ertinya lebihan, tambahan, tidak sama timbangan atau sukatan pada masa berlaku pertukaran barang ribawi samada daripada aktiviti pemberian hutang atau pinjaman atau dalam akad jual beli;

“rumah kebajikan” ertinya mana-mana tempat atau institusi yang ditetapkan sebagai sedemikian di bawah seksyen 63;

“*sihir*” ertinya suatu perbuatan yang di luar daripada kebiasaan yang bertentangan dengan hukum syarak melibatkan penggunaan jin dan syaitan tidak terhad kepada penyembahan, pemujaan, jampi serapah atau azimat;

“sumbang mahram” ertinya persetujuan antara lelaki dan perempuan yang dilarang mengahwini satu sama lain di bawah hukum syarak;

“*syarikah* atau *musyarakah*” ertinya akad kerjasama antara dua pihak atau lebih pemilik modal dalam pelbagai bentuk untuk melaksanakan sesuatu projek yang mana keuntungan atau kerugian daripada kerjasama tersebut dibahagi berdasarkan syarat-syarat tertentu;

“*syuf’ah*” ertinya perolehan pemilikan harta, sebagai pengganti dari pembeli dengan membayar harga barang kepada pemilik asal harta tertentu, sesuai dengan nilai dan sistem pembayaran oleh pembeli lain;

“*takfir*” ertinya mengeluarkan pernyataan terhadap seseorang orang Islam sebagai orang bukan Islam;

“takzir” ertinya kesalahan yang hukumannya tidak termasuk dalam hukuman hudud dan qisas;

“tidak sopan” ertinya apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat termasuklah—

- (a) bercumbu-cumbuan;
- (b) berpeluk-pelukan;
- (c) pertuturan atau isyarat lucah atau berpakaian yang mengghairahkan; atau
- (d) lain-lain perbuatan yang tidak sopan;

yang bertentangan dengan Hukum Syarak;

“*wadi'ah*” ertinya harta yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk dijaga dan dipulangkan apabila diminta;

“*wakalah*” ertinya kontrak memberi perwakilan kepada satu pihak yang lain dalam perkara yang boleh diwakilkan untuk dilaksanakan dan dijalankan transaksi bagi pihaknya;

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditafsirkan dalam Enakmen ini tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah masing-masing mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan hukum syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan dalam pentafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Kedua, rujukan hendaklah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.

Kuasa prerogatif

3. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak dan kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam negeri sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan boleh sebagai Ketua Agama Islam, mengeluarkan apa-apa perintah, dari semasa ke semasa, dalam perkara khusus yang bertentangan dengan hukum syarak. Dengan syarat bahawa perintah itu hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melalui pemberitahuan dalam Warta.

(3) Sesiapa yang tidak mematuhi perintah di subseksyen (2) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN I**KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN PENJAGAAN AGAMA****Sihir**

4. (1) Mana-mana orang yang melakukan amalan, perbuatan, tindakan atau apa-apa sahaja yang boleh ditakrifkan sebagai sihir dengan apa-apa cara adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat tidak melebihi enam sebatan.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang telah disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakan dan dimusnahkan.

Dakwaan palsu

5. Mana-mana orang yang—
- (a) mengisytiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai Rasul atau Nabi, Imam Mahdi atau keramat; atau
 - (b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia,

sedangkan pengisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat tidak melebihi enam sebatan.

Percubaan keluar Islam

6. (1) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perlakuan percubaan keluar Islam tetapi perbuatan itu tidak terjumlah kepada riddah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat tidak melebihi enam sebatan.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah bolehlah, jika berpuas hati, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan mana-mana orang supaya ditahan di pusat bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu bagi tujuan pendidikan dan orang itu hendaklah bertaubat mengikut hukum syarak.

(3) Bagi maksud subseksyen (2) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan laporan kemajuan kepada mahkamah pada setiap bulan.

Memutarbelitkan ajaran Islam dan hukum-hakam agama Islam

7. Mana-mana orang yang memutarbelitkan ajaran Islam dan hukum-hakam agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Takfir

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang yang mengatakan atau mentohmah dengan perkataan sama ada secara lisan atau bertulis, atau dengan isyarat atau dengan gambaran tampak, atau apa-apa perbuatan, aktiviti atau perlakuan, atau dengan menganjurkan, menaja atau membuat perkiraan bagi apa-apa aktiviti atau selainnya dengan apa-apa cara bahawa mana-mana orang yang menganut agama Islam atau orang yang tergolong dalam apa-apa kumpulan, golongan atau perihalan orang yang menganut agama Islam—

- (a) adalah kafir;
- (b) tidak lagi menganut agama Islam;
- (c) tidak sepatutnya diterima, atau tidak boleh diterima, sebagai menganuti agama Islam; atau
- (d) tidak mempercayai, mengikuti, menganuti atau tergolong dalam agama Islam,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebut tidak melebihi enam sebatan.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

- (a) apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa agama yang ditubuhkan, dibentuk atau dilantik oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan yang diberi kuasa untuk membuat atau mengeluarkan keputusan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam; dan
- (b) apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana orang menurut atau mengikut apa-apa keputusan yang dibuat atau dikeluarkan oleh mahkamah atau pihak berkuasa sedemikian, sama ada atau tidak keputusan itu adalah secara bertulis atau, jika bertulis, sama ada disiarkan atau tidak dalam *Warta*.

Mengeji atau menghina undang-undang

9. Mana-mana orang yang mengeji atau menghina mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam yang berkuat kuasa di dalam negeri Kelantan dengan apa-apa cara adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Tidak menghormati bulan Ramadan

10. (1) Mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadan—

- (a) memberi, menjual, atau membekal kepada mana-mana orang Islam apa-apa makanan, minuman, rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap dalam waktu itu; atau
- (b) secara terbuka atau di tempat awam atau di mana-mana tempat didapati makan, minum atau menghisap rokok atau benda lain yang seumpamanya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat

11. (1) Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana tempat beribadat orang Islam atau apa-apa kelengkapannya dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana tempat beribadat orang bukan Islam yang diiktiraf di sisi undang-undang atau apa-apa kelengkapannya dengan niat menghina atau mempersendakan agama orang bukan Islam tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan untuk dibayar ganti rugi yang munasabah dan apa-apa perintah yang wajar.

Menggalakkan mungkar

12. Mana-mana orang yang menganjur, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa kemungkaran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam atau orang Islam yang keji akhlaknya

13. (1) Mana-mana orang yang menjual, memberikan atau menyerahkan anaknya atau kanak-kanak di bawah peliharaannya kepada—

(a) mana-mana orang yang tidak beragama Islam; atau

(b) mana-mana orang Islam yang keji akhlaknya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat dengan enam sebatan atau dihukum dengan kombinasi mana-mana hukuman itu.

(2) Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai berkenaan dengan anak atau kanak-kanak itu.

BAHAGIAN II

KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN DENGAN PENJAGAAN DIRI DAN MARUAH

Liwat

14. (1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan perbuatan liwat yang tidak boleh dikenakan hukuman hadd mengikut hukum syarak adalah

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat tidak melebihi enam sebatan.

(2) Mana-mana orang lelaki yang cuba melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan kombinasi mana-mana hukuman itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “liwat” ertinya persetubuhan yang dilakukan di luar tabii iaitu melalui dubur di antara seorang lelaki dengan seseorang yang lain.

(4) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Musahaqah

15. (1) Mana-mana orang perempuan yang melakukan perbuatan *musahaqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat tidak melebihi enam sebatan.

(2) Mana-mana orang perempuan yang cuba melakukan *musahaqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Persetubuhan dengan mayat

16. (1) Mana-mana orang melakukan persetubuhan dengan mayat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang cuba melakukan persetubuhan dengan mayat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah bolehlah, jika berpuashati, sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Persetubuhan dengan bukan manusia

17. (1) Mana-mana orang melakukan persetubuhan dengan bukan manusia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang cuba melakukan persetubuhan dengan bukan manusia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah bolehlah, jika berpuashati, sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Mengubah jantina

18. (1) Mana-mana orang yang—
(a) mengubah jantintanya sendiri;

- (b) menyebabkan diubah jantinya sendiri;
- (c) mengubah jantina seorang lain;
- (d) menyebabkan diubah jantina seorang lain;

tanpa sebab yang syarii adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “jantina” termasuklah mana-mana bahagian badan yang sulit bagi jantina tersebut.

Orang lelaki berlagak seperti perempuan

19. (1) Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak atau berkelakuan seperti orang perempuan di mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat persendirian yang boleh dilihat atau diakses oleh awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan, mahkamah bolehlah, jika berpuas hati, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu;

- (a) setelah bon disempurnakan, membuat perintah mengkehendaki pesalah menjalankan khidmat komuniti, tidak melebihi 240 jam dalam agregat, dalam bentuk sifat dan waktu dan tempat dan tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana yang dinyatakan oleh Mahkamah; atau
- (b) memerintahkan mana-mana orang supaya menjalani apa-apa kaunseling atau ditahan di pusat pemulihan, pusat bimbingan Islam, rumah kebajikan, masjid, institusi atau

pusat yang diluluskan untuk menjalani pemulihan selama apa-apa tempoh tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu bagi tujuan pendidikan dan orang itu hendaklah bertaubat mengikut hukum syarak.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(b) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan laporan kemajuan kepada mahkamah pada setiap bulan.

Orang perempuan berlagak seperti lelaki

20. (1) Mana-mana orang perempuan yang memakai pakaian lelaki atau berlagak atau berkelakuan seperti orang lelaki di mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat persendirian yang boleh dilihat atau diakses oleh awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan, mahkamah bolehlah, jika berpuas hati, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu;

(a) setelah bon disempurnakan, membuat perintah mengkehendaki pesalah menjalankan khidmat komuniti, tidak melebihi 240 jam dalam agregat, dalam bentuk sifat dan waktu dan tempat dan tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana yang dinyatakan oleh Mahkamah; atau

(b) memerintahkan mana-mana orang supaya menjalani apa-apa kaunseling atau ditahan di pusat pemulihan, pusat bimbingan Islam, rumah kebajikan, masjid, institusi atau pusat yang diluluskan untuk menjalani pemulihan selama apa-apa tempoh tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu bagi tujuan pendidikan dan orang itu hendaklah bertaubat mengikut hukum syarak.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(b) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan laporan kemajuan kepada mahkamah pada setiap bulan.

Perbuatan atau percakapan tidak sopan

21. (1) Mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syarak di mana-mana tempat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang dengan sengaja mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan hukum syarak di mana-mana tempat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Perbuatan mencacah tatu atau membuat rawatan atau pembedahan untuk tujuan kosmetik tanpa sebab syarii

22. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) mencacah tatu;
- (b) menyebabkan mana-mana orang mencacah tatu;
- (c) membuat rawatan atau pembedahan untuk dirinya untuk tujuan kosmetik tanpa sebab yang syarii;
- (d) membuat rawatan atau pembedahan untuk diri seorang lain untuk tujuan kosmetik tanpa sebab yang syarii;

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Mendedahkan aurat di tempat awam

23. (1) Mana-mana orang yang mendedahkan mana-mana bahagian tubuhnya atau memakai pakaian yang tidak sopan yang mendedahkan aurat atau yang boleh menimbulkan ghairah di tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan, mahkamah bolehlah, jika berpuas hati, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu;

- (a) setelah bon disempurnakan, membuat perintah mengkehendaki pesalah menjalankan khidmat komuniti, tidak melebihi 240 jam dalam agregat, dalam bentuk sifat dan waktu dan tempat dan tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana yang dinyatakan oleh Mahkamah; atau
- (b) memerintahkan mana-mana orang supaya menjalani apa-apa kaunseling atau ditahan di pusat pemulihan, pusat bimbingan Islam, rumah kebajikan, masjid, institusi atau pusat yang diluluskan untuk menjalani pemulihan selama apa-apa tempoh tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu bagi tujuan pendidikan dan orang itu hendaklah bertaubat mengikut hukum syarak.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(b) Pegawai Penjaga hendaklah menyerahkan laporan kemajuan kepada mahkamah pada setiap bulan.

Mengganggu rumah tangga orang lain

24. Mana-mana orang yang mengganggu rumah tangga orang lain dengan apa-apa cara, mempengaruhinya supaya mengabaikan tanggungjawab rumah tangga sedia ada adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah boleh memerintahkan pasangan itu supaya hidup semula sebagai pasangan suami isteri.

Menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri

25. Mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan yang sudah bernikah dengan sah sebagaimana hukum syarak dan undang-undang daripada hidup sebagai suami isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup bersama semula sebagai pasangan suami isteri.

Menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan

26. Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk dengan apa-apa cara mana-mana lelaki atau perempuan supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan dan tanggungjawabnya sebagai suami atau isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Memujuk lari mana-mana orang Islam dari jagaan

27. Mana-mana orang yang memujuk atau mendorong mana-mana orang Islam supaya lari daripada jagaan ibu bapa atau penjaganya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai berkenaan dengan orang itu.

Perempuan lari daripada jagaan

28. Seseorang perempuan yang lari daripada jagaan ibu bapa atau penjaganya yang sah tanpa sebab yang munasabah pada hukum syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang sesuai mengenai perempuan tersebut.

Tuduhan melakukan mungkar

29. Kecuali dalam kes li'an, mana-mana orang yang menuduh orang lain dengan apa-apa cara melakukan mungkar tanpa bukti mengikut hukum syarak atau ikrar orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kata-kata yang boleh memecah keamanan

30. Mana-mana orang yang dengan sengaja mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata bertentangan dengan hukum syarak yang mungkin boleh memecahkan keamanan di mana-mana tempat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Gangguan seksual

31. Mana-mana orang yang mengganggu secara seksual mana-mana orang yang lain di mana-mana tempat dengan suatu perbuatan atau perkataan yang boleh menjatuhkan maruah orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Memutuskan hubungan dengan keluarga terdekat secara salah

32. (1) Mana-mana orang yang secara sengaja dengan niat yang tidak baik, memutuskan hubungan dengan keluarganya yang terdekat atau enggan berhubung dengan mereka dengan cara yang sewajarnya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

(3) Bagi maksud subseksyen (1) di atas, keluarga terdekat bermaksud ahli keluarga yang boleh mewarisi harta di bawah undang-undang berkaitan pewarisan dan pesaka.

Derhaka kepada ibu bapa

33. (1) Mana-mana orang yang berbuat derhaka kepada kedua-dua ibu dan bapa kandungnya atau kepada salah seorang daripada keduanya atau penjaganya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan kombinasi mana-mana hukuman itu.

(2) Bagi maksud subseksyen (1) di atas, perbuatan derhaka termasuklah apa-apa perkataan, perbuatan atau peninggalan yang secara salah—

- (a) menyakiti hati dan perasaan mereka sama ada dengan cara bercakap kasar atau mengherdik atau selainnya;
- (b) menyakiti fizikal dan mental mereka sama ada dengan mendatangkan kecederaan atau tidak;
- (c) menghilangkan sikap dan perasaan kasih sayang terhadap mereka; atau
- (d) menyebabkan mereka terbiar, tidak terbela, terlantar atau berada dalam keadaan yang tidak sepatutnya.

(3) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Memiliki dokumen palsu, memberi keterangan, maklumat atau pernyataan palsu

34. (1) Mana-mana orang yang memiliki dokumen palsu, memberikan keterangan palsu atau memalsukan keterangan bagi maksud digunakan dalam apa-apa peringkat prosiding mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain

berhubungan dengan agama Islam, memiliki dokumen atau memberikan apa-apa maklumat berhubungan dengan kesalahan itu yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN III

KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN DENGAN PENJAGAAN AKAL DAN KONSUMSI

Minuman yang memabukkan

35. (1) Mana-mana orang yang, di mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup, minum apa-apa minuman yang memabukkan yang tidak boleh dikenakan hukuman hadd mengikut hukum syarak atau cuba meminumnya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan disebat tidak melebihi enam sebatan.

(2) Mana-mana orang yang menyebabkan seseorang lain cuba meminum apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan kombinasi mana-mana hukuman itu.

(3) Mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan atau mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli atau berada dalam milikannya atau mengilang, mengimport, mengeksport, menyimpan, menyembunyi, membeli, menjual, memberi, menerima, menyetor, mengendalikan, mengangkut, membawa, menghantar, mengirim, mendapatkan, membekal, mengedar mengawal atau menjaga apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “meminum” termasuklah apabila seseorang itu didapati positif dalam ujian pengesanan.

(5) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Apa-apa yang mengkhayalkan

36. (1) Mana-mana orang yang mengguna apa-apa bahan yang mengkhayalkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan.

(2) Mana-mana orang yang menyebabkan seseorang lain mengguna atau mencuba apa-apa bahan yang mengkhayalkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan kombinasi mana-mana hukuman itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “mengguna” termasuk makan, mengunyah, menghisap, menelan, meminum, menyedut, menghidu atau memasukkan bahan-bahan itu ke dalam badan dengan apa jua cara atau dengan menggunakan apa jua alat.

(4) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

BAHAGIAN IV
KESALAHAN TAKZIR BERHUBUNGAN DENGAN
PENJAGAAN HARTA

Berjudi

37. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) berjudi atau didapati berada di tempat berjudi sama ada dia melakukan perjudian atau tidak; atau
- (b) menganjurkan, memberi tempat atau membenarkan apa-apa aktiviti perjudian di mana-mana premis di bawah miliknya atau kawalannya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam seksyen ini, “berjudi” termasuklah apa-apa permainan atau pertandingan yang di dalamnya terdapat pertaruhan.

(3) Dalam seksyen ini, “tempat berjudi” ertinya mana-mana premis, termasuk bilik, pejabat atau gerai, atau mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup yang digunakan atau disimpan bagi maksud perjalanan apa-apa permainan yang keputusannya bergantung kepada nasib atau campuran kemahiran dan nasib sama ada dibenarkan oleh mana-mana undang-undang lain atau sebaliknya untuk mendapat wang atau nilai wang.

(4) Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang telah disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(5) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Memakan harta anak yatim

38. (1) Sesiapa yang menyebabkan harta anak yatim terjejas sama ada diambil harta tersebut untuk dirinya atau untuk pihak lain secara tidak sah adalah melakukan kesalahan memakan harta anak yatim dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan kombinasi mana-mana hukuman itu.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Mengurangkan ukuran, sukatan dan timbangan

39. (1) Sesiapa yang mengukur, menyukat atau menimbang dalam apa-apa urusan berkaitan transaksi harta dan dengan secara curang membuat pengurangan pada ukuran, sukatan atau timbangan tersebut adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau dihukum dengan kombinasi mana-mana hukuman itu.

(2) Jika mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atau suatu kesalahan, mahkamah jika berpuas hati, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, boleh memerintahkan apa-apa perintah yang wajar.

Melakukan transaksi muamalat yang berlawanan dengan hukum syarak

40. Mana-mana orang yang melakukan mana-mana transaksi—

- (a) jual beli;
- (b) *ijarah*;
- (c) *rahn*;
- (d) *syarikah* atau *musyarakah*;

- (e) *mudharabah*;
- (f) *qardh*;
- (g) *ju'alah*;
- (h) *hiwalah*;
- (i) *'ariyyah* atau *i'arah*;
- (j) *wakalah*;
- (k) *dhaman*;
- (l) *hibah*;
- (m) *wasiat*;
- (n) *istisna'*;
- (o) *wadi'ah*;
- (p) *luqatah*;
- (q) *syuf'ah*;

yang berlawanan dengan hukum syarak atau mana-mana fatwa atau mana-mana keputusan rasmi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau yang diiktiraf oleh undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau apa-apa perintah yang wajar atau kombinasi mana-mana hukuman itu.

Melakukan transaksi muamalat secara riba dll.

41. Mana-mana orang yang melakukan mana-mana transaksi—

- (a) *riba*;
- (b) *ghisy*;
- (c) *gharar*;
- (d) *ghasb*;
- (e) memakan harta secara batil;
- (f) *ihtikar*;

yang berlawanan dengan hukum syarak atau mana-mana fatwa atau mana-mana keputusan rasmi Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau yang diiktiraf oleh undang-undang bertulis yang sedang berkuatkuasa adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan apa-apa perintah yang wajar.

Penyalahgunaan penandaan dan perbahasan halal

